

**PENCEGAHAN DAN PEMULIHAN TERHADAP MANGSA JENAYAH DALAM
KALANGAN KANAK-KANAK MENURUT FIQH AL-HADITH: KAJIAN
TERHADAP BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) TERPILIH**

ABSTRAK

Isu jenayah terhadap kanak-kanak masih menjadi tumpuan hangat majoriti rakyat Malaysia. Pelbagai berita kekejaman dan penindasan yang berlaku saban hari ke atas kanak-kanak telah menyebabkan banyak pihak mengambil perhatian serius dengan memberi tumpuan kepada aspek pemulihan mangsa jenayah. Buktinya, banyak NGO dan pusat perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) ditubuhkan hampir di seluruh Malaysia. Tujuan utama adalah bagi memberi perlindungan selayaknya kepada golongan bernasib malang ini. Pada masa yang sama, ada pihak NGO yang telah merangka modul pencegahan agar perkara ini tidak berlaku kepada golongan berpotensi yang lain atau kejadian serupa tidak berulang. Modul pencegahan dan pemulihan pastinya sangat berkait rapat dengan pembangunan modal insan yang baik. Dari itu, kajian ini bertujuan (i) untuk mengkaji secara kolektif terhadap aspek pencegahan dan pemulihan jenayah terhadap kanak-kanak daripada sudut hadith bagi mengeluarkan *fiqh al-hadith* dan (ii) menganalisis aplikasi modul yang diterapkan oleh dua buah NGO iaitu Protect and Save The Children dan RT bagi memulihkan mangsa kanak-kanak dan mencegah jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku. Kemudian, analisis perbandingan terhadap modul yang diaplikasikan oleh kedua-dua NGO berkenaan dengan prinsip pencegahan dan pemulihan jenayah terhadap kanak-kanak menurut *fiqh al-hadith*. Hasil analisis ini akan digunakan bagi membangunkan cadangan garis panduan pencegahan dan pemulihan jenayah terhadap kanak-kanak menurut *fiqh al-hadith*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan pengumpulan data melalui kepustakaan dan temu bual terhadap NGO terpilih.

Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan kaedah induktif, deduktif dan perbandingan. Hasil kajian mendapati terdapat 36 hadith dalam *al-Kutub al-Sittah* yang dipecahkan kepada aspek pencegahan dan pemulihan jenayah terhadap kanak-kanak. Ia dibahagikan kepada lima tema utama. Dua tema di dalam pemulihan ialah kelangsungan hidup dan memberi perlindungan kepada mangsa jenayah. Tiga tema pula di dalam pencegahan iaitu merangkumi pencegahan dengan pertahanan diri sendiri, pencegahan oleh keluarga dan terakhir pencegahan oleh masyarakat. Kemudian, hasil analisis terhadap dua NGO terpilih itu menunjukkan modul yang diaplikasikan oleh kedua-duanya mempunyai beberapa persamaan daripada sudut pengisian dan pendekatan modul antara mereka. Kajian juga mendapati hampir setiap modul yang diaplikasikan mempunyai asas dan selari daripada sudut *fiqh al-hadith* daripada aspek pencegahan dan pemulihan. Dari itu, garis panduan pencegahan dan pemulihan jenayah terhadap kanak-kanak mengandungi komponen utama iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, penyertaan, advokasi dan penyelidikan dan pembangunan. Semoga garis panduan ini dapat diaplikasikan kepada semua NGO dan pihak berkaitan bagi membendung jenayah terhadap kanak-kanak.

Kata kunci: Jenayah Terhadap Kanak-kanak, *fiqh al-hadith*, badan bukan kerajaan, modul